

Yayasan KRU latih belia jadi usahawan

Perkenal program Kita Jaga Kita sasar 100 peniaga e-dagang berteraskan industri kreatif

Oleh Farihad Shalla Mahmud
farihad@bh.com.my

Menyedari potensi besar pasaran e-dagang, Yayasan KRU melancarkan program Kita Jaga Kita sejak 1 Jun lalu bagi melahirkan sekurang-kurangnya 100 usahawan digital dalam kalangan belia.

Presiden Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KRU, Datuk Norman Abdul Halim, berkata jumlah peserta dijangka bertambah bergantung kepada sokongan dan kerjasama terjalin dengan rakan strategik dari masa ke semasa.

"Program keusahawanan digital yang diperkenalkan ini mem-

beri peluang kepada belia daripada keluarga B40 untuk mengikuti latihan asas bisnes dalam talian berteraskan industri kreatif.

"Peserta terpilih akan mempelajari pelbagai ilmu berkaitan perniagaan dalam talian seperti penstriman langsung, suntingan video, sesi perkongsian maklumat dengan pakar serta pelbagai ilmu berkaitan.

"Pengambilan pelajar bermula tahun depan. Sebagai permulaan, kami sasarkan 100 usahawan digital bakal dilahirkan sepanjang fasa pertama ini," katanya kepada *HIP* pada sidang media mengumumkan Rakan Strategik Siri 2, Program Kita Jaga Kita di Kolej SEGI di Subang Jaya, Petaling Jaya, baru-baru ini.

Rakan Strategik Siri 2, Program Kita Jaga Kita membabitkan Kolej SEGI dan CyberSecurity Malaysia.

Norman berkata, sebagai mudah cara, Yayasan KRU bukan sahaja membuka peluang kepada belia menimba ilmu e-dagang, malah menyediakan ruang untuk mereka mempraktikkan apa yang dipelajari.

"Antaranya, khidmat nasihat

institusi kewangan jika mereka perlu modal untuk berniaga.

"Ini berdasarkan pengalaman KRU ketika mula-mula menceburi bidang perniagaan apabila mendapat bantuan modal daripada institusi kewangan," katanya.

Norman berkata, Yayasan KRU juga membantu peserta dalam ilmu peruncitan melalui kerjasama dengan AEON Co Malaysia Berhad.

"Kursus yang kita perkenalkan ini bukanlah sekadar teori semata-mata, sebaliknya, dunia sebenar sektor e-dagang ini," katanya.

Pada majlis itu, Norman mengumumkan kolaborasi Yayasan KRU dengan dua rakan strategik yang mampu memantapkan latihan disediakan.

"Bersama Kolej SEGI, kerjasama yang dilaksanakan adalah dengan memperkenalkan program Masterclass Profesional Keusahawanan Digital.

"Program ini menawarkan biasiswa bernilai RM100,000 kepada 10 pelatih terpilih. Program latihan ini akan bermula pada Januari tahun depan dan dilaksanakan secara hibrid serta kelas

fizikal," katanya.

Norman berkata, Cybersecurity Malaysia bermurah hati menyediakan program latihan kemahiran berkaitan aspek keselamatan siber meliputi aspek kesedaran, kepentingan dan keusahawanan siber.

"Bagaimanapun, program ini terhad kepada 30 peserta daripada keluarga B40. Kita juga sasarkan graduan dan usahawan muda sebagai kriteria utama pemilihan," katanya.

Turut menjalinkan kerjasama dengan Yayasan KRU adalah Akademi Seni Budaya dan Warisan kebangsaan (ASWARA); Infrastruktur University Kuala Lumpur (IUKL); Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS); Kolej Universiti Islam Pahang (UCYP); KRU Academy; Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM); Universiti Malaya (UM); Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**.

Kolaborasi itu turut membabitkan pusat pengajian tinggi iaitu Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP); Universiti Malaysia Sabah (UMS); Universiti Malaysia Terengganu (UMT); Universiti

Multimedia Melaka; Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM); Universiti Putra Malaysia (UPM); Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

Dalam perkembangan berkaitan, Norman memberitahu, program Kita Jaga Kita mendapat sokongan selebriti dalam membantu usahawan mempromosikan produk mereka.

"Kita ada 23 selebriti yang berdaftar menjadi sukarelawan program ini. Tugas mereka adalah untuk menghebahkan program ini serta membantu mempromosikan produk usahawan terabit melalui media sosial mereka.

"Selebriti terabit menjalankan tugas secara percuma. Mungkin untuk peringkat permulaan sahaja. Jika produk dijual mendapat sambutan, selebriti boleh menimbang mengenakan bayaran atas khidmat mereka.

"Sehubungan itu, kita sangat mengalu-alukan kehadiran lebih ramai selebriti untuk terabit sebagai sukarelawan dalam program ini," katanya.



Norman (tengah) bersama Rakan Strategik Siri 2, Program Kita Jaga Kita di Kolej Segi di Subang Jaya, Petaling Jaya, baru-baru ini.

(Foto Azhar Ramli/BH)